

Bukan Melayu patut ditarik belajar silat



MAJLIS KESYUKURAN: Presiden Persisi, yang juga Anggota Parlimen bagi Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, Encik Ibrahim Othman, menyampaikan taklimat kepada kira-kira 40 anggota Persisi sempena majlis kesyukuran bagi bangunan baru persatuan itu.

Langkah dapat galakkan percampuran kaum — Ibrahim 13 JAN 1990

PERGURUAN silat setempat digesa menarik lebih ramai anggota bukan Melayu untuk mempelajari seni mempertahankan diri Melayu itu.

Ini kerana seni silat Melayu bukan sahaja merupakan satu kegiatan olahraga yang sihat, tetapi dapat juga memberi peluang kepada belia pelbagai bangsa bergaul dan berkenal sesama mereka dengan lebih mesra lagi.

Berucap dalam satu majlis kesyukuran di bangunan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang baru di bangunan bekas Balai Rakyat Kampong Eunus kelmarin malam, Presiden Persisi, Encik Ibrahim Othman, berkata:

"Jika kita dapati ramai belia Melayu mempelajari seni mempertahankan diri bangsa asing seperti taekwon-do dan karate, kita perlu pula memperkenalkan silat Melayu kepada masyarakat asing." *SP4AA*

Encik Ibrahim, yang juga Anggota Parlimen bagi Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, menerangkan bahawa silat merupakan kegiatan yang kedua popular di balai-ba-

lai rakyat setempat.

Ini, menurutnya lagi, adalah sejajar dengan kehendak pemerintah yang inginkan lebih ramai penglibatan masyarakat Melayu di balai rakyat.

Oleh itu, Persisi mempunyai tanggungjawab besar dalam menarik belia Melayu dan bukan Melayu untuk menganggotai perguruan silat di balai-balai rakyat, jelas beliau.

Dengan ini, balai rakyat katanya, dapat menyediakan prasarana sebagai tempat percampuran bagi pelbagai bangsa yang boleh mendatangkan keharmonian kaum bagi masyarakat Singapura.

Encik Ibrahim juga melahirkan penghargaannya atas bantuan yang telah diberikan oleh Persatuan Rakyat (PA), terutama kepada Ketua Pengarah Eksekutif PA, Encik Lee Chiong Giam, dan juga pemimpin pertubuhan akar umbi seperti Encik Ng Hock Lye yang bertanggungjawab dalam memperelok dan mengecat bangunan tersebut, serta Encik Chai

Ming Chua kerana menderma \$5,000 kepada Persisi untuk membeli barang-barang keperluan pejabat.

Beliau juga menyarankan supaya bangunan tersebut dijadikan pejabat-pejabat bagi kesemua 16 badan kerabat Persisi agar semua kegiatan Persisi mudah diselaraskan.

Sementara itu, sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Kedua

Presiden Persisi, Haji Abdul Rahman Ismail, telah ditubuhkan bagi meninjau dan menyusun corak kegiatan di bangunan itu.

Mulai esok, satu pertandingan peringkat saringan yang disertai oleh 16 perguruan silat daripada 14 anggota kerabat akan diadakan di perkarangan bangunan tersebut.

Persisi akan memilih 15 orang peserta untuk mewakili Singapura dalam Pesta Sukan Merdeka '90 di Negara Brunei Darussalam yang bermula dari 3 Mac hingga 15 Mac.

13 JAN 1990